

TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK MUHD KHAIR RAZMAN BIN MOHAMED ANNUAR

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN
INSTITUT KEMAJUAN DESA KESEMBILAN

TARIKH

27 JANUARI 2026 (SELASA) | 8 SYAABAN 1447H

TEMPAT

DEWAN TUN ABDUL RAZAK
INSTITUT KEMAJUAN DESA (INFRA), BANGI

Assalamualaikum warahmatullah

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Kata Alu-aluan

1. Terlebih dahulu, marilah kita rafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam **Majlis Konvokesyen Institut Kemajuan Desa (INFRA) Kesembilan yang penuh bermakna dan bersejarah ini.**

2. **Merai dan diraikan; yang meraikan teruja, yang diraikan sudah tentu gembira dalam keterujaan dan debaran untuk naik ke pentas.** Setelah sekian tempoh masa menjalani sesi latihan dan pengajian pembelajaran, **pastinya hari dan detik ini paling ditunggu-tunggu oleh semua para graduan.**

Ucapan Tahniah Kepada Graduan

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Hari ini, seramai **179 orang graduan ditauliahkan dalam pelbagai bidang kemahiran** yang berkaitan secara

langsung dengan keperluan dan pembangunan masyarakat luar bandar. Ini **bukan sahaja satu pencapaian peribadi, tetapi juga sumbangan besar kepada komuniti**. Justeru itu, **kepada para graduan yang diraikan hari ini, tahniah dan syabas saya ucapkan!** Tuan, puan, saudara dan saudari adalah antara yang terpilih untuk menerima **pengiktirafan rasmi atas usaha gigih, kecekalan dan komitmen** dalam menamatkan program latihan.

Tuan, Puan, Saudara dan Saudari,

4. ***Jadikan ilmu sebagai sahabat, dan kemahiran sebagai senjata, agar kita tidak hanya tahu bicara, tetapi juga mampu melaksana. Ilmu dan kemahiran bukan sekadar bekalan, tetapi kunci membuka masa depan. Ilmu membentuk fikiran, kemahiran membina tindakan. Apabila kedua-duanya digenggam erat, insyaAllah langkah tidak tersesat.***

Dunia kini tidak cukup dengan tahu, tetapi perlu tahu dan mampu. Maka carilah ilmu sepanjang hayat, dan asah serta manfaatkanlah kemahiran untuk pertiwi tanpa henti; kerana di situlah terletaknya nilai insan sejati.

Hadirin yang dihormati sekalian,

INFRA: 30 Tahun Mencorak Masyarakat Luar Bandar yang Berilmu dan Berkemahiran

5. Tahun ini juga merupakan **ulang tahun ke-30 INFRA** sebagai institusi latihan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). INFRA telah membuktikan keberkesanan pendekatannya dalam **menyampaikan latihan berkualiti kepada masyarakat luar bandar secara lebih meluas terutama dalam kalangan kepimpinan desa.**

6. Selama tiga dekad ini, INFRA telah menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan desa yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan. Saya yakin, masa ke hadapan ini INFRA akan tetap komited memantapkan Institut ini dan terus menyusur ke akar umbi bagi memastikan capaian kepada ilmu dan kemahiran itu menggapai sasarannya selaras dengan *'tagline'*nya **"Membitara INFRA, Memaju Desa"**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

<u>Dasar KKDW dan Peranan INFRA</u>

7. Berdasarkan peratusan migrasi, ***trend*** **migrasi penduduk luar bandar ke bandar semakin berkurangan** apabila data menunjukkan 30 peratus perpindahan pada 2020 telah turun kepada 20.4 peratus pada 2022.

8. Melihat kepada data ini, **pada asasnya perhatian serta tumpuan kepada pembangunan luar bandar adalah sangat signifikan**. **Sepuluh (10) Teras yang mendasari Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030** perlu diperhalusi pelaksanaannya iaitu merangkumi **Teras Ekonomi Berdaya Saing dan Mampan, Keusahawanan Pemacu Pembangunan, Modal Insan Berkualiti, Prasarana Lengkap dan Canggih, Generasi Belia yang Unggul, Wanita Luar Bandar yang Progresif, Kehidupan Luar Bandar yang Sejahtera, Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Berkesan, Biodiversiti dan Alam Sekitar Mampan,** dan **Perumahan, Pembangunan Wilayah dan Penempatan Desa Bersepadu.**

9. Selaras dengan hala tuju Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan aspirasi Malaysia MADANI,

Kementerian amat menitikberatkan peranan pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) sebagai antara strategi penting untuk mengangkat potensi komuniti luar bandar. **280 institusi di bawah KKDW menawarkan 529 program daripada peringkat Sijil Kemahiran hingga Ijazah Kedoktoran, meliputi 15 kluster bidang kritikal untuk pasaran kerja semasa.** Kerangka Sistem Pendidikan TVET KKDW ini telah melahirkan ramai tenaga pekerja, profesional, teknologi dan usahawan yang berjaya.

10. INFRA antara institusi yang menjayakan latihan TVET ini, secara khususnya melalui program **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Operasi Homestay Tahap 2 dan Tahap 3 yang disediakan secara sistematik dan berstruktur khusus kepada pengusaha dan bakal pengusaha homestay.**

11. Saya difahamkan, **INFRA sebagai Pusat Bertauliah juga menawarkan satu lagi latihan kemahiran peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)** iaitu **SKM Pengurusan Desa Tahap 3 Secara Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu** khususnya untuk para penggerak dan kepimpinan luar bandar. Kumpulan pertama dan kedua seramai **62 orang** telah mengikuti program ini iaitu dalam kalangan para

penggerak desa termasuk para **pegawai Bahagian dan agensi di bawah KKDW dan juga pegawai di peringkat Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) negeri.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kepentingan *Upskilling* dan *Reskilling*

12. Kita kini berada dalam dunia yang sentiasa berubah dan penuh dengan cabaran baharu. Oleh itu, **menambah kemahiran baharu dalam bidang sedia ada, dan *reskilling* – memberi peluang kepada individu untuk menceburi bidang baharu** perlu diperkukuh bukan sahaja dalam kalangan personel latihan Kementerian ini, tetapi juga dalam kalangan komuniti luar bandar.

13. Melalui pendekatan ini, kita bukan sahaja melahirkan personel berkemahiran, tetapi juga **membina masyarakat yang fleksibel, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa depan.** Saya percaya, INFRA telah memainkan peranan besar dalam menyediakan ruang dan peluang ini, khususnya bagi mereka yang ingin memperbaiki kehidupan melalui pendidikan dan latihan kemahiran.

14. Kementerian melalui INFRA akan terus menyokong inisiatif **membina luar bandar yang sejahtera**, yang **bukan sahaja membangun dari segi infrastruktur, tetapi juga dari sudut pemikiran, kemahiran dan nilai komuniti.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

<u>Harapan kepada Jurulatih INFRA dan Graduan</u>

15. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak INFRA, para jurulatih, penilai, serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan latihan kemahiran hingga berjaya melahirkan para graduan yang berkemahiran dan berintegriti.

16. Kepada para **jurulatih atau tenaga pengajar INFRA yang turut diraikan dan bergraduasi hari ini, tahniah saya ucapkan atas dedikasi dalam menyampaikan ilmu dan melahirkan pelatih yang berkualiti. Tugas sebagai pendidik bukan mudah, namun impaknya berkekalan.**

17. Kepada **semua graduan, jangan jadikan konvokesyen ini sebagai nokhtah, sebaliknya sebagai permulaan**

kepada perjalanan baharu. Gunakan ilmu dan kemahiran yang ada untuk **menyumbang kembali kepada komuniti — sebagai pendorong, pemimpin atau pencetus perubahan.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

<u>Penutup dan Ucapan Terima Kasih</u>

18. Saya ingin mengucapkan **setinggi-tinggi terima kasih kepada INFRA, para rakan strategik serta semua pihak yang begitu komited dalam mengangkat usaha memajukan masyarakat luar bandar. Semoga usaha ini diberkati dan diteruskan demi kelestarian komuniti kita.**

19. Besar harapan saya, semoga Majlis Konvokesyen pada hari ini **menyemarakkan tradisi keilmuan dan kemahiran bagi memastikan luar bandar terus maju dan sejahtera**.

Yang menabur ilmu, yang menyuluh jalan
Terima kasih setulus hati
atas tunjuk ajar dan bimbingan.

Di sebalik kejayaan yang kita rai
Ada insan setia yang tak pernah lari
Yang menunjuk arah, yang menyemai bakti
Terima kasih tidak terucap, hanya Tuhan membalasi.

Tangan yang menunjuk arah
Lidah yang menyuntik semangat
Kita bersama-sama berdiri hari ini
Kerana kalian pernah hadir
dengan niat yang ikhlas dan pendirian yang kuat.

<u>Lafaz Perasmian</u>

20. Akhir kalam, saya dengan dengan lafaz *BISMILLAHIR RAHMANIRRAHIM* **merasmikan Majlis Konvokesyen Institut Kemajuan Desa (INFRA) Kesembilan**.

    Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu alaikum warahmatullah*. Terima kasih.